

Artikel

Keperluan dan Rangka Model Kaunseling Islam bagi Mahasiswa Universiti: Satu Analisis Kualitatif
(The Needs and Framework of Islamic Counseling Models for University Students: A Qualitative Analysis)

Nazneen Ismail^{1*}, Nurzatil Ismah Azizan², Siti Mursyidah Mohd Zin², Nurhanisah Senin³ & Dharatun Nissa Puad Mohd Kari @ Fuad Mohd Karim⁴

¹Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

²Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

³Pusat Kajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

⁴Jabatan Pendidikan Kaunselor dan Psikologi Kaunseling, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: nazneen@uis.edu.my

Diserah: 22 Februari 2025

Diterima: 15 April 2025

Abstrak: Mahasiswa universiti tidak terlepas daripada berhadapan isu kesihatan mental. Oleh itu, perkhidmatan kaunseling universiti disediakan untuk membantu mereka mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun, pendekatan kaunseling yang digunakan hari ini kebanyakannya adalah kaunseling konvensional yang didapati mempunyai kekurangan dari aspek pembangunan rohani mahasiswa Muslim. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan dan kepentingan model kaunseling Islam, mengenal pasti sumber rujukan asas dalam pembangunan model serta menganalisis elemen-elemen utama bagi pembinaan rangka model tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk tinjauan. Empat universiti Islam di Semenanjung Malaysia dipilih sebagai sampel. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dengan kaunselor universiti. Hasil temu bual dianalisis secara tematik dan menghasilkan tiga kesimpulan utama iaitu (i) terdapat keperluan pembangunan model kaunseling Islam di universiti, (ii) rujukan bagi model ini ialah al-Quran, sunnah dan psikologi Islam, dan (iii) elemen utama bagi kerangka model ini adalah peranan kaunselor dan penerapan nilai-nilai Islam dalam pendekatan kaunseling. Peranan kaunselor meliputi ihsan, amanah, pengetahuan agama, kepercayaan klien, kesediaan mendengar dan komited. Manakala pendekatan kaunseling yang dicadangkan sebagai rangka asas kepada model ini adalah penerapan nilai Islam seperti bacaan basmalah, penggunaan nas berkaitan masalah psikologi dan intervensinya, aplikasi pendekatan al-Ghazali dan intervensi berasaskan kepada ujian psikologi. Kajian ini diharapkan dapat menjadi asas kepada penerokaan dan pembangunan model kaunseling Islam untuk diaplikasikan oleh kaunselor universiti dalam membantu mahasiswa Muslim.

Kata kunci: Model kaunseling; nilai-nilai Islam; mahasiswa Muslim; kaunselor universiti; psikologi Islam

Abstract: University students frequently encounter mental health challenges. Consequently, university counseling services are established to mitigate these issues. However, contemporary counseling practices predominantly rely on conventional approaches, which exhibit limitations in addressing the spiritual dimension of Muslim student well-being. This study aimed to: (1) determine the necessity and significance of Islamic counseling models; (2) identify foundational reference sources for model development; and (3) analyze key elements for framework construction. Employing a qualitative survey design, data were gathered from semi-structured interviews with counselors at four Islamic universities in Peninsular Malaysia. Thematic

analysis of the interview transcripts yielded three primary findings: (i) a need exists for the development of Islamic value-based counseling models within university settings; (ii) the al-Quran, Sunnah, and Islamic psychology constitute the core reference sources for such models; and (iii) the counselor's role and the integration of Islamic values within counseling approaches are crucial framework components. The counselor's role was identified as encompassing *ihsan* (integrity), *amanah* (trustworthiness), religious knowledge, client trust, active listening, and commitment. Proposed counseling approaches, forming the model's foundational framework, include the application of Islamic principles (e.g., *basmalah*), the utilization of relevant Islamic texts for psychological issues and interventions, the incorporation of al-Ghazali's methodology, and the integration of psychological testing. This study seeks to provide a foundational basis for the exploration and development of Islamic value-based counseling models, applicable to university counselors assisting Muslim students.

Keywords: Counseling model; Islamic values; Muslim students; university counselors; Islamic psychology

Pendahuluan

Fasa kehidupan mahasiswa merupakan fasa perkembangan yang kritikal di antara alam remaja dan alam dewasa yang lazimnya berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kecukupan kewangan, pilihan karier, hubungan dengan rakan sebaya serta hal-hal lain yang melibatkan persediaan dalam menempuh fasa dewasa (Schechter et al., 2018). Di samping itu, mereka juga berhadapan cabaran akademik seperti tuntutan tugas dan prestasi, perubahan persekitaran dan penyesuaian diri dengan konteks sosial dan pendidikan yang baharu (Schulenberg & Schoon, 2012). Antara masalah kesihatan mental yang sering dialami mahasiswa ialah kemurungan, kebimbangan dan tekanan sehingga ada yang membawa kepada risiko bunuh diri (Fang et al., 2018). Oleh itu, kaunselor memainkan peranan penting dalam membantu mahasiswa mengatasi masalah ini dan kembali fokus kepada matlamat pengajian mereka. Meskipun perkhidmatan kaunseling di universiti telah mula diperkenalkan pada akhir 1970-an, namun para pengkaji berpandangan ia masih perlu diperkasakan bagi memastikan ia benar-benar berkesan dan menyeluruh. Antara kaedahnya adalah melalui penerapan kaunseling Islam (Nor Ezdianie & Mohd Tajudin, 2019; Othman & Mohamad, 2019; Rasool, 2021; Altuwairqi et al., 2024; Faiz Hadi et al., 2025). Ini berdasarkan perspektif Islam yang mementingkan aspek kerohanian khususnya pembangunan hati dalam menentukan kesejahteraan manusia. Pendekatan kaunseling Islam penting kerana ia merupakan solusi bagi kaunseling konvensional sedia ada yang tidak fokus kepada elemen kerohanian. Tambahan pula, faktor agama berperanan dalam pembinaan daya tahan diri (Norfatmazura & Nooraini, 2022) dan memberikan impak positif kepada kualiti hidup (Hashim & Wan Hasan, 2022).

Walaupun pendekatan kaunseling konvensional seperti Terapi Tingkah Laku Kognitif (CBT) dan Terapi Tingkah Laku Rasional Emotif (REBT) turut memasukkan unsur kerohanian dan keagamaan, terdapat perbezaan ketara antara kaunseling konvensional dengan kaunseling perspektif Islam dalam tiga aspek. Pertama, kaunseling perspektif Islam meletakkan kerohanian dan keagamaan Islam sebagai panduan hidup yang menyeluruh. Kedua, pendekatan ini tidak membentuk individu berdasarkan jangkaan dan norma sosial semata-mata, tetapi menekankan penghayatan nilai-nilai untuk membina masyarakat yang lebih baik. Ketiga, Islam tidak sependapat dengan prinsip asas falsafah kaunseling konvensional berlandaskan individualisme, relativisme dan humanisme yang cenderung kepada konstruktivisme dalam mengubah tingkah laku dengan individu dibentuk oleh persekitaran dan masyarakat (Tareq, 2017). Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan model kaunseling Islam yang relevan dengan keperluan mahasiswa universiti.

Sorotan Literatur

1. Konsep kaunseling dalam Islam

Kaunseling merujuk kepada hubungan profesional antara kaunselor yang terlatih dengan klien, sama ada individu atau kumpulan. Sebagai pakar, kaunselor membantu klien yang menghadapi masalah hidup untuk memahami diri mereka sebelum mencari penyelesaian melalui teknik berstruktur dan mematuhi etika

profesional (Tengku Sarina Aini & Faridah, 2006). Kaunseling juga didefinisikan sebagai bantuan profesional untuk individu memahami diri dan persekitaran mereka (Mizan Adiliah, Wan Mohd Fazrul Azdi & Hanit, 2011). Secara ringkas, kaunseling adalah proses di mana kaunselor membimbing individu mencapai matlamat hidup berdasarkan prinsip al-Quran dan hadis (Norfatmazura & Nooraini, 2022). Bagi mencapai matlamat tersebut, kaunselor disarankan agar beramal dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl (16:125) yang bermaksud: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Ayat ini mengandungi perintah agar menyeru umat manusia ke jalan Allah SWT dengan tiga pendekatan iaitu hikmah, *mau'izah hasanah* dan berdebat yang baik. Hikmah bermaksud perkataan yang kuat, tepat, menyentuh dan berkesan. *Mau'izah hasanah* pula bermaksud nasihat, pelajaran yang efektif lagi berkesan dalam hati klien. Seterusnya berdebat yang baik bermakna sekiranya ada antara klien yang ingin berbincang dan berdebat, maka seorang kaunselor perlu menghadapinya dengan cara yang baik penuh kelembutan, kesopanan, bersikap pemaaf dan lapang dada serta kekal menghormati meskipun dilayani dengan buruk. Ini kerana matlamat akhir sesi perbincangan tersebut adalah mencari kebenaran tanpa menyakiti klien (al-Zuhaili, 2013).

Tambahan pula, prinsip-prinsip asas kaunseling seperti autonomi, keadilan, kebajikan, tidak mendatangkan mudarat, kesetiaan, kerahsiaan, kecekapan dan integriti (Corey, 2013) merupakan prinsip akhlak yang juga terdapat dalam Islam dan perlu disemai dalam diri kaunselor untuk diamalkan dalam sesi bersama klien. Termasuk juga asas kepada hubungan ini adalah tolong-menolong. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ma'idah (5:2) yang bermaksud: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya”. Ayat ini menunjukkan kewajipan bekerjasama, saling membantu dan bersinergi dalam menjalankan kebaikan, ketakwaan serta menjauhi larangan Allah SWT. Ia juga menjelaskan pengharaman bekerjasama dalam maksiat dan dosa (al-Zuhaili, 2013).

Ringkasnya, prinsip asas bagi kaunseling ini telah ada dalam Islam. Justeru, ini menjadi titik tolak kepada para pengkaji untuk mencadangkan agar pendekatan kaunseling Islam diamalkan khususnya dalam menangani masalah klien Muslim. Antara usaha untuk mempopularkan kaunseling berpandukan Islam adalah seperti Model Amar Makruf Nahi Mungkar bagi menangani tingkah laku seksual pelajar Islam (Roslee et al., 2013), Teori Kaunseling Psiko-Spiritual Al-Ghazali (Nor Ezdianie & Mohd Tajudin, 2019), Pendekatan Dakwah al-Irsyad al-Nafsiyy dalam Kaunseling (Salasiah, 2008) dan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali (Salasiah, 2018). Justeru, berdasarkan kajian dan usaha yang telah ada, didapati kajian berkaitan model kaunseling Islam bagi tujuan merawat kecelaruan emosi masih diperlukan terutama bagi mahasiswa universiti.

2. Penerapan nilai-nilai Islam dalam kaunseling.

Kaunseling Islam terdiri di atas lima nilai utama iaitu ilmu, akidah, ibadah, akhlak dan penyucian jiwa. Nilai ilmu yang turut meliputi keyakinan dan peningkatan rohani menjadi panduan penting dalam amalan kaunseling. Konsep ilmu dan amal diterapkan melalui penerokaan niat yang didorong oleh keikhlasan kepada Allah SWT, membentuk tanggungjawab, mengelakkan kemudarat, dan menerima takdir. Kesedaran ini mendorong tawakal, menunjukkan keyakinan dan kebergantungan kepada Allah SWT. Ilmu juga menyedarkan manusia tentang kelemahan diri dan keperluan taubat, memupuk sikap reda, sabar dan syukur (Norfatmazura & Nooraini, 2022). Oleh itu, kaunselor perlu menguasai ilmu Islam serta teori dan kemahiran kaunseling untuk menerapkan nilai Islam kepada klien, memotivasikan mereka agar tidak berputus asa dalam menghadapi ujian hidup (al-Ghazali, 2015). Kaunselor juga perlu memahami hukum-hukum Islam untuk membimbing klien keluar dari masalah tanpa menyimpang dari ajaran agama.

Seterusnya, nilai akidah perlu diterapkan dalam kaunseling kerana ia mampu menjadi penyembuh kepada kegelisahan, kerisauan dan kesedihan manusia. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ahqaf (46:13) yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang mengatakan: “Tuhan kami ialah Allah”, kemudian mereka tetap istiqamah maka tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan mereka tiada (pula) berduka cita”. Individu yang memiliki ketulusan iman akan sentiasa bergantung kepada Allah SWT dalam setiap aspek kehidupan.

Mereka akan bersyukur atas nikmat dan bersabar menghadapi musibah, serta sentiasa merenung hikmah di sebalik setiap peristiwa. Kefahaman tentang takdir dan kekuasaan Tuhan membolehkan mereka mencari pelbagai penyelesaian kepada masalah. Keimanan juga mendorong tawakal, menghilangkan kegelisahan terhadap perkara di luar kawalan dan menyedari bahawa rezeki datang daripada Allah SWT (Musa & Sa'ari, 2019; Abd Razak et al, 2024). Hasilnya, individu akan mencapai ketenangan jiwa, mengurangkan tekanan, menerima diri sebagai hamba Allah SWT, bertawakal, merasai perlindungan Ilahi, menguatkan kesabaran dan mengelakkan kesombongan (Musa & Sa'ari, 2019).

Nilai ibadah pula merupakan latihan untuk membentuk akhlak mulia dan menenangkan jiwa yang perlu diamalkan dalam kehidupan seharian. Hikmah ibadah termasuklah mentaati Allah SWT, mematuhi perintah-Nya, bersabar, melawan nafsu dan berkasih sayang serta kerjasama sesama manusia (al-Ghazali, 2015). Dalam kaunseling, penekanan boleh diberikan kepada solat khushyuk dan kaitannya dengan kesabaran, serta penerapan akhlak mulia seperti berbuat baik kepada ibu bapa, merendahkan suara, mengelakkan kesombongan dan bersabar dalam kebaikan (Mohd Ropizam et al, 2023; Abd Razak et al, 2024). Selain itu, doa juga penting untuk memohon kemudahan daripada Allah SWT. Teknik relaksasi minda seperti tidur sebentar di siang hari, memperbanyakkan zikir dan membaca al-Quran juga membantu menyucikan jiwa dan memupuk tingkah laku positif (Abd Razak et al, 2024).

Dalam kaunseling Islam, nilai akhlak perlu didasarkan pada keimanan. Ia lebih kukuh daripada sekadar norma masyarakat kerana keimanan membentuk pemikiran dan tingkah laku individu. Nilai akhlak yang ditekankan termasuklah adab terhadap diri sendiri sebagai syukur, adab dalam kehidupan seharian dengan memilih persekitaran positif, kawalan emosi dalam situasi mencabar, adab bersosial seperti amar makruf nahi mungkar, dan adab dalam ibadah seperti membaca al-Quran dan solat. Selain itu, kaunselor perlu mendorong klien menjauhi maksiat seperti maksiat mata, telinga, lisan, perut, kemaluan, tangan dan kaki. Ia dilakukan dengan cara penyucian jiwa melalui *muraqabah* kepada Allah SWT (al-Ghazali, 2005).

Akhir sekali, kaunseling Islam juga perlu menekankan aspek penyucian jiwa atau dalam bahasa arab disebut sebagai *tazkiyyat al-nafs*. Ia merupakan latihan jiwa untuk bebas daripada pengaruh duniawi dan memupuk akhlak mulia serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Bagi memperbaiki keadaan mental kepada lebih baik, maka pendekatan tasawuf diterapkan melalui tiga tahap utama iaitu *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli*. *Takhalli* adalah pembersihan diri daripada sifat dan akhlak tercela seperti hasad dengki, buruk sangka, sombong, riway, cinta dunia, marah, fitnah, bohong, dan khianat. Ini melibatkan menjauhi maksiat zahir dan melawan nafsu. Setelah sifat buruk dibersihkan, maka fasa kedua ialah *tahalli*. Ia bermaksud pengisian jiwa dengan sifat terpuji seperti taubat, sabar, zuhud, tawakal, cinta, *ma'rifah* dan reda serta mengamalkan ibadah seperti solat, puasa, zikir dan membaca al-Quran. Fasa terakhir pula ialah *tajalli* iaitu pemantapan jiwa melalui istiqamah dalam amal soleh, zikir dan *muraqabah* kepada Allah SWT. Kaedah yang digunakan termasuk munajat, *muraqabah*, dan muhasabah (Hasan, 2014).

3. Kaunseling Islam sebagai alternatif

Secara asasnya, pendekatan kaunseling konvensional yang diamalkan pada hari ini merupakan hasil daripada beberapa teori utama seperti Teori Psikoanalisis, Teori Tingkah Laku, Teori Kognitif, Teori Humanistik dan Teori Konstruktivisme Sosial. Sedangkan ilmu berkaitan kaunseling dan teori berkaitannya telah pun dibincangkan lebih awal oleh tokoh ilmuwan Islam seperti al-Ghazali, Ibn Qayyim al-Jawziyah, Ibn Maskawayh, al-Tabari, Ibn Sina dan juga al-Balkhi. Antara tumpuan tokoh-tokoh ini adalah berkaitan personaliti manusia, teori perkembangan, psikoterapi serta pemusatan klien. Namun, pendekatan ilmuwan Islam ini tidak mendapat perhatian dalam kalangan para pengkaji melainkan setelah munculnya karya Malik Badri bertajuk '*Ulamā' al-Nafs al-Muslimūn fi Hujr al-Dab*' (Psikologis Muslim dalam Lubang Biawak) pada tahun 1979. Antara perkara yang diketengahkan sebagai keperluan kepada kaunseling Islam berbanding kaunseling konvensional adalah dari segi sumber, perkembangan personaliti, fungsi kaunseling, obligasi kaunselor, elemen, kemahiran kaunseling dan matlamat kaunseling (Amir & Norazlina, 2018).

Kaunseling Islam memiliki keunikan dari segi sumber dan pemahaman tentang perkembangan personaliti manusia. Sumber utama kaunseling Islam ialah al-Quran dan sunnah, yang diperkuat oleh sumber-sumber syarak lain seperti *ijma'*, *qiyas*, *istihsan*, *istishab*, dan *masalih al-mursalah*, serta pandangan ulama.

Ini berbeza dengan teori kaunseling Barat yang semata-mata berasaskan akal manusia dan terbuka kepada sanggahan melalui bukti empirikal. Seterusnya, kaunseling Islam menawarkan pandangan yang lebih komprehensif mengenai personaliti meliputi enam elemen iaitu jasad, roh, hati, akal, nafsu dan emosi berbanding tiga domain dalam kaunseling konvensional. Kaunseling Islam juga memperkenalkan hierarki jiwa dari *nafs al-'ammarah* ke *nafs al-mutma'innah* yang memberikan kerangka kerja untuk pemulihan dan pengembangan klien secara lebih berstruktur (Amir & Norazlina, 2018).

Dari segi fungsi kaunseling, pendekatan konvensional umumnya memiliki lima fungsi, iaitu mencegah, mengembang potensi, memulihkan, menangani krisis, dan mengelola perundingan. Kaunseling Islam pula, selain menjalankan fungsi-fungsi ini, turut menekankan aspek *tazkiyah* atau penyucian diri. Proses *tazkiyah* ini melibatkan dua peringkat utama iaitu membersihkan diri dari sifat tercela (*takhalli*) dan menghiiasi diri dengan sifat terpuji (*tahalli*). Ini dicapai melalui muhasabah, taubat, sabar, *khauf*, dan *raja'*. Dengan demikian, kaunseling Islam membantu klien membuat pilihan hidup berdasarkan panduan al-Quran dan sunnah, meningkatkan pemahaman dan kesedaran untuk perubahan tingkah laku yang membawa kebahagiaan dunia dan akhirat, membina hubungan yang harmoni dengan Allah SWT, manusia dan alam serta membimbing individu yang melakukan pelanggaran agama untuk kembali taat dan menjalani kehidupan yang diredai Allah SWT (Amir & Norazlina, 2018).

Dari segi obligasi kaunselor, kaunseling konvensional meletakkan tanggungjawab kaunselor semata-mata kepada klien. Ini berbeza dengan kaunseling Islam yang mengikat kaunselor dengan kewajipan kepada Allah SWT melalui niat ikhlas dan kepatuhan syariat. Keimanan kepada Allah SWT menjadi prinsip utama dan ukuran kejayaan dalam kaunseling Islam dengan terapi utama berfokus pada pembinaan iman yang kukuh melalui ayat-ayat al-Quran. Selain itu, fokus elemen hubungan dalam kaunseling juga berbeza. Kaunseling konvensional menekankan hubungan mendatar kaunselor-klien manakala kaunseling Islam melibatkan hubungan dengan manusia lain dan yang terpenting, hubungan dengan Allah SWT. Dalam proses kaunseling Islam, klien dibimbing untuk mengutamakan hak Allah SWT melalui pematuan syariat di samping menjaga hubungan baik dengan orang-orang di sekitarnya. Prinsip-prinsip Rogers seperti keaslian, penerimaan tanpa syarat dan empati diperluas dalam kaunseling Islam dengan penekanan pada niat ikhlas dan ihsan menjadikan pengamalannya lebih berintegriti (Amir & Norazlina, 2018).

Terdapat juga perbezaan dalam aspek kemahiran kaunseling antara pendekatan konvensional dan Islam. Bagi kaunseling konvensional, kemahiran kaunselor berfokus pada komunikasi dengan klien seperti menyoal dan memparafrasa. Manakala kaunseling Islam mengintegrasikan kemahiran ini dengan tambahan kemampuan menyampaikan ilmu agama, berdakwah, menggunakan al-Quran, berzikir, berdoa, mendemonstrasikan ibadah, penggunaan kisah al-Quran dan sirah nabi, melakukan pemantauan berterusan serta mengamalkan adab Islam dalam sesi. Dari segi tujuan, kaunseling konvensional menekankan kesejahteraan psikologi, sementara kaunseling Islam bertujuan mencapai kesejahteraan yang lebih luas, meliputi seluruh aspek diri manusia meliputi jasad, akal, hati, nafsu, roh serta merealisasikan tujuan hidup sebagai hamba dan khalifah Allah SWT (Amir & Norazlina, 2018).

Keperluan kepada kaunseling Islam juga dapat dilihat menerusi penulisan Rasool (2021) yang menekankan rangka kerja terapeutik bagi klien Muslim dengan mengintegrasikan prinsip Islam dan amalan psikologi. Ia berasaskan kepada cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Muslim seperti peningkatan isu kesihatan mental serta keterbatasan intervensi psikologi konvensional dalam menangani dimensi emosi dan spiritual mereka. Tambahan pula, tanggapan sebahagian mereka bahawa terapi sedia ada berkemungkinan tidak menghormati nilai Islam menyebabkan mereka enggan mendapatkan psikoterapi. Justeru, kaunseling Islam perlu dibangunkan berasaskan kepada tiga prinsip agama iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Antara terapi yang sesuai ditekankan dalam kaunseling ialah doa, zikir, solat, keimanan kepada Allah SWT, menjaga kesihatan fizikal, tilawah al-Quran dan *ruqyah*. Keberkesanan pendekatan kaunseling Islam dalam membawa perubahan positif pada diri klien disokong oleh kajian Nur Yani dan Muhammad Nubli (2021) yang merumuskan bahawa kaedah tafakur membantu klien dalam mengatasi tekanan. Kajian Nursyuhada et al. (2018) juga menunjukkan amalan berzikir merupakan faktor kerohanian utama dalam pemulihan bekas penagih dadah. Selain itu, kajian Salasiah Hanin (2010) juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara bimbingan spiritual al-Ghazali dengan keberkesanan kaunseling di Majlis Agama Islam Negeri

Sembilan. Di samping itu, terdapat juga kajian yang tertumpu kepada integrasi kaunseling Islam dengan kaunseling konvensional seperti kajian Norfatmazura (2022), Abdul Rashid dan Nurun Najihah (2022), Nur Yani dan Muhammad Nubli (2021). Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa kaunseling Islam relevan dan perlu dikembangkan bagi memenuhi keperluan klien Muslim masa kini.

Keunikan kaunseling Islam dari segi keupayannya memenuhi keperluan rohani manusia menjadi asas kepada kajian ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti keperluan dan kepentingan model kaunseling Islam di universiti (ii) mengenal pasti rujukan asas yang relevan bagi pembinaan model kaunseling Islam dan (iii) menganalisis elemen-elemen utama yang diperlukan bagi kerangka model kaunseling Islam di universiti. Hasil kajian diharapkan dapat menyediakan garis panduan bagi para kaunselor Muslim universiti ke arah memperkasakan pendekatan kaunseling sedia ada dalam menangani isu kecelaruan psikologi dan kesihatan mental mahasiswa universiti seterusnya membantu mereka dalam pembinaan jati diri.

Metodologi kajian

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk tinjauan. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mendapatkan pemahaman mendalam daripada sampel berkaitan keperluan pembangunan model kaunseling berasaskan nilai-nilai Islam.

2. Lokasi Kajian

Bagi kajian ini, lokasi dipilih mewakili empat zon di Semenanjung Malaysia. Empat buah zon dan universiti Islam yang dipilih bagi mewakili setiap zon yang terlibat dalam penentuan lokasi adalah seperti berikut:

- i. Universiti Zon Utara: Kedah
- ii. Universiti Zon Timur: Pahang
- iii. Universiti Zon Barat: Selangor
- iv. Universiti Zon Selatan: Negeri Sembilan

3. Populasi dan Pensampelan Kajian

Populasi kajian melibatkan kaunselor universiti Islam dan pensampelan dilakukan secara bertujuan bagi memastikan persoalan kajian terjawab. Ciri utama sampel kajian adalah kaunselor berdaftar dan masih mengamalkan praktis kaunselor, beragama Islam, berkhidmat di universiti Islam dan berpengalaman lebih daripada 5 tahun. Tumpuan diberikan kepada universiti Islam kerana ia menyediakan persekitaran akademik dan sosial yang berlandaskan prinsip Islam, menjadikannya tempat yang sesuai untuk mengkaji pendekatan kaunseling berasaskan Islam. Selain itu, warga universiti Islam juga cenderung kepada nilai-nilai Islam, yang dapat mempengaruhi perspektif mereka terhadap kaunseling Islam berbanding kaunseling konvensional. Maka pemilihan seramai empat orang kaunselor mewakili zon masing-masing adalah berdasarkan kesediaan mereka untuk memberikan maklum balas berkaitan tajuk kajian. Lebar (2015) menyatakan pandangan Creswell (2003) bahawa bagi sampel kajian kualitatif boleh menggunakan 1 hingga 30 orang bergantung kepada ketepuan maklumat yang diperolehi. Konsep ketepuan ini perlu diseimbangkan dengan batasan masa, kewangan dan faktor-faktor lain yang mempengaruhi kajian. Jadual 1 menyenaraikan latar belakang peserta kajian.

Jadual 1. Latar belakang peserta kajian

Peserta kajian	Jantina	Jawatan	Umur	Pengalaman
Informan 1	Wanita	Kaunselor	45 tahun	12 tahun
Informan 2	Lelaki	Kaunselor	37 tahun	9 tahun
Informan 3	Wanita	Kaunselor	43 tahun	13 tahun
Informan 4	Wanita	Kaunselor	38 tahun	9 tahun

4. Instrumen Kajian

Bagi pengumpulan data, instrumen protokol temu bual telah digunakan. Soalan temu bual terdiri daripada tiga bahagian iaitu keperluan kepada kaunseling berasaskan nilai Islam, rujukan yang dicadangkan bagi model kaunseling berasaskan nilai Islam serta cadangan kerangka asas bagi tujuan pembinaan model. Instrumen kajian ini diajukan kepada pakar bidang bagi mendapatkan kesahan sebelum pengumpulan data dijalankan.

5. Proses Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan data, pengkaji terlebih dahulu menghantar surat pemakluman dan permohonan mengadakan temu bual. Tajuk dan objektif kajian turut dimaklumkan kepada kaunselor yang dipilih. Setelah peserta kajian menyatakan kesediaan, soalan temu bual dikongsikan kepada mereka dan waktu temu bual ditetapkan secara bersama. Temu bual dijalankan secara tertutup dan perbualan dirakamkan dengan keizinan peserta kajian.

6. Analisis Data

Data temu bual telah ditranskrip dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Analisis tematik merupakan kaedah untuk meneliti perspektif peserta kajian berbeza dalam mengenal pasti tema dan kaitan pola-pola melalui perbandingan. Tema merupakan entiti abstrak yang membawa makna serta identiti kepada pengalaman dan kepelbagaian manifestasinya. Ia dikenal pasti dengan menggandingkan komponen-komponen atau taburan idea dan pengalaman yang kebiasaannya dianggap tidak bermakna jika ia dilihat secara berasingan. Tema dihasilkan secara induktif daripada data mentah dan secara deduktif berdasarkan teori atau kajian lepas. Tema dikenal pasti melalui perbengkalan sesama ahli kumpulan penyelidik dan setelah beberapa kali semakan serta pemurnian, hasil analisis dihantar kepada tiga orang pakar bagi mendapatkan penilaian persetujuan. Pakar dipilih daripada bidang psikologi Islam dan psikologi remaja. Setelah itu, hasil persetujuan pakar dikira menggunakan kaedah Cohen Kappa.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan temu bual dengan para kaunselor universiti, mereka berpandangan terdapat keperluan membangunkan model kaunseling berasaskan nilai-nilai Islam untuk digunakan di institusi-institusi pengajian tinggi. Ia berdasarkan beberapa justifikasi seperti menjadi pengimbang kepada kaunseling konvensional, sesuai untuk klien Muslim, sebagai panduan kepada para kaunselor yang tidak mempunyai latar belakang kaunseling Islam atau Pengajian Islam serta sebagai penambahbaikan bagi model kaunseling Islam sedia ada. Perkara ini diperincikan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Keperluan model kaunseling berasaskan nilai Islam

Tema	Petikan
Seimbangkan kaunseling konvensional	<i>Sebabnya macam mana pun tak akan boleh pergi satu pihak. Maksudnya tak boleh pergi terapi fizikal sahaja, tak boleh pergi terapi psikologikal sahaja dan dia tak boleh pergi terapi spiritual sahaja. Dia kena jalan serentak (Informan 1, wanita, kaunselor, 45 tahun)</i>
Sesuai untuk klien Muslim	<i>Kalau diberikan pada orang Muslim, I think dia terima. (Informan 2, lelaki, kaunselor, 37 tahun)</i> <i>Bagi saya, model yang dibangunkan tu perlu menyeluruh, tidak terhad kepada IPT Islam sahaja supaya data tu nanti menyeluruh meliputi juga klien Muslim di IPT lain (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Sebagai panduan kepada kaunselor yang tiada latar belakang kaunseling Islam/ pengajian Islam	<i>Setuju sangat. At least kita ada macam guideline. Ini memudahkan proses untuk membantu klien ataupun pelajar ni sebab kadang kadang tak semua pakar dalam bidang (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i>

Sebagai penambahbaikan kepada model sedia ada	<i>Kalau ada penambahan yang baru mungkin boleh counter model yang sedia ada sekarang (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i> <i>kalau perluaskan lagi pendekatan Islamik ini saya rasa lebih baik. (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i> <i>kalau kita ada kaunseling Islam, lebih baik kita teguhkan pendekatan kaunseling Islam tu daripada guna pendekatan lain (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
---	---

Sumber: Temubual (2024)

Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menyediakan model kaunseling Islam dengan tujuan utamanya sebagai pelengkap kepada amalan kaunseling konvensional. Keistimewaan pada pendekatan kaunseling Islam adalah pada aspek kerohaniannya. Sesuai dengan pandangan Imam al-Ghazali (2015) bahawa jiwa manusia terdiri daripada empat komponen iaitu *qalb*, *aql*, *nafs* dan roh. Kesemua ini perlu diberi perhatian supaya kesejahteraan insan dapat dicapai. Tambahan pula, agama Islam mempunyai tiga prinsip utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak sebagai garis panduan dalam pembentukan model kaunseling Islam ini. Selain itu, model sedia ada perlu diteliti untuk ditambah baik dari segi pelaksanaannya bagi memastikan model yang dibina kelak sesuai dengan perubahan dan keperluan semasa. Penemuan yang pelbagai lagi terkini boleh menjadi nilai tambah kepada model yang akan dirangka. Ia seperti yang dicadangkan oleh Rasool (2021) iaitu mengintegrasikan antara amalan sedia ada dengan psikologi Islam. Pendekatan psikologi Islam pula diadaptasi daripada perbincangan para pengkaji seperti Salasiah (2008; 2018), Amir dan Norazlina (2018), Hamizi dan Suhaya (2023) iaitu menjadikan al-Quran, sunnah serta ilmuwan Islam seperti al-Ghazali sebagai rujukan.

Sehubungan itu, para kaunselor mencadangkan pelbagai rujukan sebagai asas pembinaan model kaunseling Islam. Selain daripada menjadikan pendekatan al-Ghazali sebagai asas utama, mereka juga mencadangkan agar buku-buku dan kajian-kajian moden dalam bidang psikologi dan psikoterapi Islam dirujuk. Antaranya ialah *Personaliti dari Perspektif Al-Ghazali* (Fariza, Salasiah dan Mohd Jurairi), *Teori Kaunseling dan Psikoterapi* (Sapora dan Ruhaya), *Kaunseling dalam Islam* (Mizan Adiliah, Wan Fazrul Azdi dan Hanit), *Teori Kaunseling al-Ghazali* (Yatimah dan Mohd Tajudin), *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling* (Othman), *Aplikasi model DHT dalam kaunseling: Proses kaunseling berdasarkan Maqasid Syariah* (Mohd Suhaidi), *Pendekatan Kaunseling Spiritual menurut al-Ghazali* (Salasiah) dan *Psikologi dari perspektif Barat dan Islam* (Sapora, Mashitah dan Siti Aisyah). Di samping itu, peserta kajian turut menyarankan agar tesis-tesis serta kajian-kajian empirikal berkaitan kaunseling spiritual turut dijadikan sandaran. Ini bagi memastikan model yang terhasil bersifat holistik dan relevan dengan zaman. Selain buku-buku, pengetahuan terkini berkaitan pendekatan kaunseling juga perlu diambil berat. Ini boleh didapati melalui kursus-kursus yang diadakan dari masa berkaitan psikoterapi Islam seperti pendekatan *asmaul husna* dan *tazkiyat al-nafs*. Perkara ini diperincikan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Rujukan asas bagi pembinaan model

Tema	Petikan
Pendekatan kaunseling Imam al-Ghazali	<i>pendekatan kaunseling Imam al-Ghazali (Informan 2, lelaki, kaunselor, 37 tahun)</i> <i>Pendekatan al-Ghazali (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i> <i>kalau teori al-Ghazali tu memang macam banyak riyadah an-nafs (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Buku Psikologi Islam	<i>Buku Personaliti perspektif Al-Ghazali, Buku Pengenalan Asas Bimbingan dan Kaunseling daripada perspektif Islam, Psikoterapi Islam dan (buku) Sapora Sipon daripada USIM iaitu Psikologi daripada Perspektif Islam & Barat (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Buku-buku kaunseling Islam di Malaysia	<i>ada juga (buku) Prof Osman, PERKAMA. Selain daripada Prof Salasiah (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i> <i>buku kaunseling Islam (Informan 1, wanita, kaunselor, 45 tahun)</i>

Kajian empirikal berkaitan spiritual	<i>rujuk dekat text book dan empirical study tentang spiritual (Informan 1, wanita, kaunselor, 45 tahun)</i>
Tesis-tesis berkaitan	<i>(tesis) Dr Suhaidi dia pendekatan Islam (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i>
Rujukan berkaitan psikospiritual Islam	<i>tengok pendekatan asmaul husna, Dr Meriam (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i>

Sumber: Temubual (2024)

Peserta kajian didapati berpandangan bahawa pendekatan psikologi Islam khususnya al-Ghazali sesuai dijadikan sebagai asas bagi pembangunan model kaunseling Islam melalui pendekatan *tazkiyat al-naafs*. Pandangan ini selari dengan kajian-kajian lepas seperti Salasiah (2008; 2018), Nor Ezianie dan Mohd Tajudin (2019), Ismail et al. (2021), Sharifah Basirah et al. (2022), Salaeh et al. (2022) serta Hamizi dan Suhaya (2023). Di samping itu, kajian-kajian terkini yang bersifat empirikal melibatkan pendekatan kaunseling Islam juga perlu diberi tumpuan kerana sebahagiannya memperincikan lagi pendekatan al-Ghazali manakala sebahagian lagi menggunakan pendekatan tambahan kepada yang dibincangkan oleh para pengkaji berkaitan kaunseling al-Ghazali. Keluasan dan keterbukaan dalam perbincangan kaunseling Islam ini menunjukkan pendekatan ini berpotensi untuk dimurnikan dari masa ke masa termasuklah membina model khusus bagi mahasiswa Muslim seperti yang dicadangkan. Manakala dari segi pendekatan dan kandungan model, peserta kajian mencadangkan agar model kaunseling Islam tertumpu kepada dua elemen utama iaitu (i) pemerkasaan peranan kaunselor melalui sifat ihsan, amanah, ilmu agama, kepercayaan, kesediaan mendengar, contoh teladan dan komited dan (ii) pendekatan kaunseling yang digunakan meliputi penerapan nilai-nilai Islam, penggunaan nas sebagai sokongan, aplikasi pendekatan al-Ghazali dan berpandukan dapatan ujian psikologi. Jadual 4 memperincikan pandangan ini.

Jadual 4. Kandungan model kaunseling berasaskan nilai Islam

Tema		Petikan
Pemerkasaan kaunselor (ihsan)	peranan	<i>So pada saya ini basic mesti kena ada ihsan sebab kalau tak ada macam mana nak jadi kaunselor (Informan 1, wanita, kaunselor, 45 tahun)</i>
Pemerkasaan kaunselor (amanah)	peranan	<i>yang utama adalah daripada aspek amanah. Kalau kita ada etika kerahsiaan bagi saya itu adalah perkara yang paling penting memang kita kena jaga (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Pemerkasaan kaunselor (ilmu agama)	peranan	<i>kalau kaunselor tu lack of religion payah juga sebenarnya (Informan 2, lelaki, kaunselor, 37 tahun)</i>
		<i>persediaan kaunselor dari sudut ilmu berkaitan kaunseling Islam (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Pemerkasaan kaunselor (kepercayaan)	peranan	<i>Macam maksud dia boleh cerita itu, maksudnya dia dah percaya kat kita. (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i>
Pemerkasaan kaunselor mendengar)	peranan (kesediaan)	<i>satu kesediaan kaunselor untuk mendengar (Informan 2, lelaki, kaunselor, 37 tahun)</i>
Pemerkasaan kaunselor (contoh teladan)	peranan	<i>dari segi attitude (kaunselor) berpengaruh bagi student sebab dia akan tengok kita (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Pemerkasaan kaunselor (komited)	peranan	<i>Satu lagi kemahiran kaunselor itu dalam mengendalikan sesi dan klien punya matlamat dalam sesi (Informan 2, lelaki, kaunselor, 37 tahun)</i> <i>as long as benda tu ada dalam sesi yang terkait dengan tujuan dia datang nak buat sesi kaunselor itu saja fokus kita. (Informan 1, wanita, kaunselor, 45 tahun)</i>

Pendekatan (penerapan nilai Islam)	kaunseling	<i>Penerapan nilai Islam tu lah salah satu dia dari segi sudut kaunseling untuk memulakan proses kaunseling tu. macam mana? Perlu tak memurnikan ayat-ayat contoh perlu ada Bismillah atau ayat Al-Quran atau hadis (Informan 2, lelaki, kaunselor, 37 tahun)</i>
Pendekatan (menggunakan nas sebagai sokongan)	kaunseling	<i>kita nak kena (tahu) hadis lah untuk mengelakkan pemikiran negatif. Ada quran atau hadis yang kata Allah mengikut sangkaan hamba Dia (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i>
Pendekatan (pendekatan al-Ghazali)	kaunseling	<i>kalau ikutkan teori al-Ghazali tu, pendekatan itu memang agak menyeluruh bagi kaunseling. (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Pendekatan (berpanduan daripada ujian psikologi)	kaunseling	<i>Mungkin boleh based on DASS tulah, dia ada tiga konsep, stress, anxiety dan depression tu kan. Kalau contoh la katakan dari segi level umur remaja atau dewasa. Tapi kalaulah dia ada kategori anxiety, so apa modul dia (Informan 3, wanita, kaunselor, 43 tahun)</i>

Sumber: Temubual (2024)

Pemerkasaan peranan kaunselor terkait dengan prinsip asas seorang kaunselor. Menurut kenyataan Informan 1:

“First, empat elemen utama yang kita belajar dalam kaunseling tu memang kena ada. Empati, kalau yang saya faham ialah ihsan. Lepas tu non judgmental psychology. Kita tidak boleh menghukum orang lain. Yang ketiga penerimaan tanpa syarat. Yang keempat, kongruen. Maksudnya kejujuran kita dalam perkhidmatan kita, ketelusan kita”

(Informan 1, Wanita, Kaunselor, 45 tahun)

Kaunselor perlu bersikap profesional dalam memberikan perkhidmatan kepada klien bagi memastikan mereka mencapai matlamat yang diinginkan. Tambahan pula, ciri-ciri yang dinyatakan seperti empati, tidak menghukum, penerimaan tanpa syarat dan kongruen berhubung secara langsung dengan akhlak Islam iaitu ihsan, amanah dan memelihara rahsia. Maka, bagi memenuhi keperluan ini, seorang kaunselor perlu sentiasa mengingatkan diri untuk tidak bersangka buruk terhadap klien. Sangkaan buruk tanpa menyelidiki kebenaran akan mengganggu sesi kaunseling bersama klien. Menurut Informan 1:

“Kita manusia ini ada hati yang kita selalu terdetik untuk mendorong kepada first impression which is kadang-kadang first impression ini benda yang negatif. Bila kita dah kenal tu baru kita oo rupanya gitu gini. Kita kena buang benda-benda ni supaya nanti kita buat sesi tu memang kita genuine”

(Informan 1, Wanita, Kaunselor, 45 tahun)

Selain itu, penguasaan ilmu agama dan penghayatannya perlu diberi perhatian oleh kaunselor bagi memastikan keberkesanan sesi yang dijalankan. Kaunselor juga perlu memberi perhatian terhadap aspek hubungan dengan klien melalui elemen kepercayaan, kesediaan mendengar, contoh teladan dan komited. Kepentingan peranan kaunselor ini turut dibincangkan oleh Rasool (2021) yang menyatakan bagi mengaplikasikan kaunseling Islam, kaunselor perlu mempunyai persediaan rapi dari segi kemahiran psikoterapi dan interpersonal, memberikan nasihat bila perlu, mendidik klien dengan akidah dan syariat serta membantu mereka dalam pembangunan psikologi dan kerohanian. Malah, Othman dan Mohamad (2019) menegaskan bahawa hubungan antara kaunselor dan klien perlu seiring bagi mewujudkan kongruen. Kedua-dua pihak perlu memahami konsep manusia dan tujuan hidup supaya keperibadian dapat dikembangkan secara optimum. Tambahan pula, kaunselor juga berperanan sebagai teladan perlu bersikap telus dan tulus dalam membantu klien meneroka dirinya secara jujur dan tepat.

Dari segi pendekatan kaunseling, peserta kajian mencadangkan agar model ini menerapkan nilai Islam dalam sesi kaunseling, membawakan nas sebagai sokongan dan panduan kaunselor serta amalan kaunseling menurut al-Ghazali. Seterusnya ia dibangunkan berdasarkan isu tertentu seperti kemurungan, kebimbangan

dan tekanan. Penemuan ini selari dengan Hamizi dan Suhaya (2023) yang membincangkan pendekatan al-Ghazali dalam kaunseling spiritual melalui beberapa kaedah seperti beriman kepada Allah SWT, reda, solat, puasa, sedekah, membaca al-Quran, zikir dan doa. Pendekatan-pendekatan ini perlu diintegrasikan dengan pendekatan barat dan budaya setempat agar suatu anjakan paradigma terhadap perkhidmatan kaunseling dapat dilaksanakan. Tambahan pula, integrasi dan asimilasi pendekatan terapeutik tidak bercanggah dengan C.2.a Kod Etika Kaunselor Malaysia dan American Counseling Association. Malah, pendekatan kaunseling Islam juga boleh disesuaikan dengan masalah psikologi tertentu seperti Obsessive Compulsive Disorder (OCD), tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Kajian Faiz Hadi et al. (2025) menunjukkan bahawa gejala OCD berjaya dikurangkan melalui integrasi antara terapi kontemporari dengan terapi rohani yang terdiri daripada zikir, solat dan *tazkiyat al-nafs*. Manakala dapatan kajian Sirin dan Goksel (2021) membuktikan penerapan spiritual mempunyai kesan positif dalam menangani tekanan, kebimbangan dan kemurungan para pesakit. Penemuan yang sama juga ditunjukkan dalam kajian Altuwairqi et al. (2024) bahawa amalan seperti solat, doa dan membaca al-Quran memberi kesan positif dalam mengurangkan gejala masalah kesihatan mental klien. Seterusnya kajian Sharifah Basirah et al (2022) mendapati muhasabah berjaya mengatasi masalah keresahan spiritual dalam kalangan Muslim. Justeru, ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa asas rujukan utama bagi pembangunan model ini adalah al-Quran dan hadis di samping pendekatan *tazkiyat al-nafs* yang dibincangkan oleh para ulama tasawuf.

Setelah model dibangunkan, ia perlu melalui proses penilaian sebagai langkah semakan dan penentuan kebolegunaannya. Maka, beberapa pihak perlu dilibatkan dalam penilaian seperti klien yang telah berjaya memperbaiki diri setelah melalui proses kaunseling Islam di samping pandangan pakar dalam pelbagai bidang meliputi aspek fizikal, spiritual, psikologi, sosial dan biologi. Jadual 5 memperincikan pandangan ini.

Jadual 5. Kaedah penilaian model

Tema	Petikan
Maklum balas klien yang telah berjaya	<i>(untuk penilaian) daripada maklum balas klien itu sangat penting sebab kita nak tahu sejauh mana untuk membantu pelanggan overcome berjaya keluar daripada isu itu. (Informan 4, wanita, kaunselor, 38 tahun)</i>
Pandangan pakar dari setiap bidang	<i>Lepas tu yang kedua daripada pakar dari bidang masing masing. Bidang spiritual tadi, bidang psikologi tadi, bidang fizikal tadi, daripada pakar perlu ada (Informan 1, wanita, kaunselor, 45 tahun)</i>

Sumber: Temubual (2024)

Sebagai rumusan, cadangan untuk membangunkan model kaunseling Islam mendapat respons positif daripada para peserta kajian. Ini berikutan keistimewaan Islam itu sendiri iaitu menyeluruh meliputi aspek jasmani dan rohani, fokus terhadap pembangunan jiwa, mengutamakan hubungan antara diri dengan Allah SWT serta menangani isu psikologi daripada akar umbinya. Justeru, kajian lanjut berkaitan model kaunseling Islam ini perlu diperluaskan lagi memandangkan ia relevan dan menepati citra masyarakat Malaysia seperti yang dibincangkan oleh Salasiah Hanin et al. (2023). Pengiktirafan kerajaan terhadap amalan kaunseling Islam diperlukan bagi memudahkan para kaunselor untuk menerapkan kaunseling Islam dalam membantu klien secara lebih sistematik dan menyeluruh selain daripada berperanan sebagai alternatif teori menjadi panduan bagi kaunselor dan memudahkan intervensi yang tepat bagi klien.

Kesimpulan

Kesimpulannya, artikel ini membincangkan keperluan pembinaan model kaunseling Islam di universiti. Hasil kajian mendapati kaunselor universiti bersetuju dengan keperluan ini. Analisis juga mendapati bahawa model ini penting kerana peranan kerohanian dalam membantu mahasiswa berhadapan dengan cabaran hidup. Justeru, model ini perlu dibangunkan berdasarkan al-Quran, hadis dan ilmu psikologi Islam dengan memberi tumpuan kepada pemerkasaan peranan kaunselor dan pendekatan kaunseling itu sendiri. Hasil kajian ini memberi implikasi kepada pihak-pihak yang berinteraksi secara langsung dengan mahasiswa khususnya unit hal ehwal mahasiswa, unit kerohanian dan para kaunselor. Sudah tiba masanya pihak universiti khususnya unit kaunseling memberikan perhatian kepada kaunseling Islam sebagai pilihan intervensi kepada mahasiswa

Muslim. Kaunselor universiti juga perlu dianjurkan menghadiri kursus atau bengkel berkaitan kaunseling Islam bagi mendapatkan gambaran yang lebih baik berkaitan kepentingan pendekatan ini. Hasil kajian ini juga keseluruhannya dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji dalam menyediakan model kaunseling berasaskan nilai-nilai Islam yang dilihat menjadi satu keperluan di universiti dalam menambah baik perkhidmatan kaunseling sedia ada dan membantu mahasiswa untuk lebih berdaya tahan dan mampu menyumbang dalam masyarakat. Bagi memastikan keberkesanan model kaunseling Islam ini, mekanisme penilaian perlu disediakan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk mahasiswa dan kaunselor.

Penghargaan: Penulisan ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian yang mendapat suntikan dana Geran Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Selangor di bawah projek bertajuk ‘Pendekatan Kaunseling Islam dalam Menangani Kecelaruhan Emosi Mahasiswa: Kajian di IPT Islam di Malaysia. Kod Projek: 2023/P/GPIU/GPM-005.

Konflik Kepentingan: Penulis mengaku tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

Al-Qur'an.

- Abd Razak, M. A., Zainal Abidin, M. S., & Harun, M. S. (2024). Islamic psychospiritual theory according to the perspective of Maqasid al-Sharia. *Islamiyyat*, 45(1), 69–79. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-07>
- Abdul Rashid Abdul Aziz & Nurun Najihah, M. (2022). Pendekatan terapi rasional emotif tingkah laku dalam menangani sifat kebergantungan remaja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001313. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1313>
- Abdul Razak, A., & Md Naw, N. H. (2021). Kemiskinan jiwa: Kajian terhadap tahap pengisian jiwa semasa pandemik. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, Special Issue (November), 121–131.
- Altuwairqi, Y. A., Abdulaziz, M. A., Aburass, M. K., Johari, M. M., Alotaibi, S. A., Alharthi, H. S., & et al. (2024). The Influence of Islamic Religious Rituals on Psychological Health in Saudi Arabia. *Scholarly Journal of Arts, Humanities and Social Sciences*, 12(3), 100–109. <https://doi.org/10.36347/sjahss.2024.v12i03.003>
- Al-Ghazali, M. M. (2005). *Al-Bidayah wa al-Hidayah*. Dar al-Salam.
- Al-Ghazali, M. M. (2015). *Kimia kebahagiaan* (M. H. A. Tajudin, Trans.). Pelima Media Sdn. Bhd.
- Al-Zuhaili, W. M. (2013). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj* (Terj.). Gema Insani.
- Amir, A. & Norazlina, Z. (2018). Istimewanya kaunseling berperspektif Islam berbanding dengan kaunseling konvensional. *Jurnal Kaunselor Berdaftar*, 2(6), 35–47.
- Corey, G. (2013). *Theory and practice of counseling and psychotherapy* (9th ed.). Brooks/Cole.
- Faiz Hadi, S., Ibrahim, M., Zin, N. M., & Yahya, A. (2025). Quran-based spiritual psychotherapy: Insights from Islamic scholarship and modern psychology on obsessive-compulsive disorder (Was-was). *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(1), 596–607. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.48>
- Fang, T., Byrne, M., & Qin, P. (2018). Psychological distress and risk for suicidal behavior among university students in contemporary China. *Journal of Affective Disorders*, 228, 101–108. <https://doi.org/10.1016/j.jad.2017.12.005>
- Hamid, A. H., & Suhaya, D. (2023). Kaunseling Islam: Integrasi dan asimilasi perspektif al-Ghazali sebagai pendekatan kaunseling spiritual untuk pelbagai agama. In *Proceedings of the International Seminar on Da'wah IV (ISOD IV) 2023* (pp. 85–93).
- Hashim, S. N. A., & Wan Hasan, W. N. (2022). Aplikasi kaedah pengurusan kesihatan mental psikospiritual Islam untuk sokongan talian berpusat masjid. *Jurnal Sains Sosial*, 7(1), 30–39. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/1180>
- Hasan, I. (2014). Tasawuf: Jalan rumpil menuju Tuhan. *An-Nuha*, 1(1), 45–63.

- Ismail, N., Makhsin, M., Nasirun, N., Ismail, U. S., Pisal, N. A., Hashim, N., & Noor, A. M. (2021). A study of at-takhalli and at-tahalli practices among university students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(7), 662–669.
- Lebar, O. (2015). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, & Hanit Osman. (2011). *Kaunseling dalam Islam*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mohd Ropizam bin Mohammad Zainun, Abdul Wahab, M. N. A., & Abdul Aziz, A. R. (2023). Pembinaan, kesahan dan kebolehpercayaan modul kaunseling kelompok berdasarkan teknik Surah Luqman (ayat 12 hingga 19) terhadap murid sekolah menengah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 8, 42–52.
- Musa, N., & Sa'ari, C. Z. (2019). Pendekatan psikoterapi Islam dalam menguruskan tekanan pesakit kronik. *Jurnal Usuluddin*, 47(1), 1–34. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol47no1.1>
- Nor Ezdianie, O., & Mohd Tajudin, N. (2019). Teori kaunseling psiko-spiritual al-Ghazali: Suatu pendekatan alternatif dalam intervensi kaunseling. *Global Journal of Thaqafah*, 9(3), 69–77. <https://doi.org/10.7187/GJAT122019-7>
- Norfatmazura, C.W. (2022). *Modul intervensi gabungan pendekatan kaunseling Islam dan kaunseling Adler bagi menangani resilien remaja salah laku* [Unpublished doctoral thesis]. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norfatmazura C.W., & Nooraini, O. (2022). Model aplikasi kaunseling Islam dan kaunseling Adler dalam menangani isu kesihatan mental. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 126–135.
- Nurshuhada Mohd Sabri, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, & Norulhuda Sarnon. (2018). Penerokaan amalan zikir dan perubahan tingkah laku dalam proses kepulihan penagihan dalam kalangan penagih bebas dadah. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 141–153.
- Nur Yani Che Hussin, & Abdul Wahab, M. N. (2021). Al-Tafakur: Terapi meditasi psikospiritual dalam kaunseling. *Jurnal Al-Sirat*, 1(17), 173–182. <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/qwefqwefq/article/view/163>
- Othman, N., & Mohamad, K. 'Azmi. (2019). Applying the Main Concepts of Islamic Psychology to Islamic Counseling. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 383–393.
- Rassool, G. (2021). Re-Examining the Anatomy of Islamic Psychotherapy and Counselling: Envisioned and Enacted Practices. *Islamic Guidance and Counseling Journal*, 4(2). <https://doi.org/10.25217/igcj.v4i2.1840>
- Roslee, A., Mohamed Sharif, M., Aqeel, K., Salleh, A., & Ahmad Jazimin, J. (2013). Amar Makruf Nahi Mungkar approach to handle sexual misbehaviour and awareness for pregnancy female inmates in Taman Seri Puteri Cheras, Selangor. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 97, 160–166. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.10.217>
- Salaeh, A., Syed Hasin, S. N., Mohd, M. Z., Saidin, M., Mohamed Yusoff, A., & Yahya, M. (2022). Terapi Penagihan Dadah Berasaskan Akidah Melalui Model Psikospiritual Holistik: Kajian Kes Di Inabah Labu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(50), 151–166.
- Salasiah Hanin, H. (2008). *Pendekatan Da'wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali : Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Sains Malaysia.
- Salasiah Hanin, H. (2010). Bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dan hubungannya dengan keberkesanan kaunseling: Satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). *Islamiyyat*, 32, 41–61.
- Salasiah Hanin, H. (2018). *Kaunseling spiritual menurut al-Ghazali*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah Hanin, H., Siti Aishah, Y., & Imas Kania, R. (2023). Kaunseling Islam dalam konteks masyarakat Madani. In *Proceeding International Seminar on Da'wah IV (ISOD IV) 2023* (pp. 371–378).

- Schechter, M., Herbstman, B., Ronningstam, E., & Goldblatt, M. J. (2018). Emerging adults, identity development, and suicidality: implications for psychoanalytic psychotherapy. *Psychoanalytic Study of the Child*, 71(1), 20–39. <https://doi.org/10.1080/00797308.2017.1415596>
- Schulenberg, J., & Schoon, I. (2012). The transition to adulthood across time and space: overview of special section. *Longitudinal and Life Course Studies*, 3(2), 164–172. <https://doi.org/10.14301/lles.v3i2.194>
- Sharifah Basirah, S.M., Che Zarrina, S., Hasimah, C., & Sheriza Izwa, Z. (2022). Muḥāsabah al-naḥs (self-reflection) dalam menangani keresahan spiritual (spiritual distress). *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 43–72.
- Sirin, T., & Goksel, F. (2021). Investigation of the Spiritual Care Effects on Anxiety, Depression, Psychological Distress and Spiritual Levels of Turkish Muslim Radiotherapy Patients. *Journal of Religion and Health*, 60, 2484–2502. <https://doi.org/10.1007/s10943-020-01117-1>
- Tareq M Zayed. (2017). Conceptual and Practical Understanding of Counseling In Islam. *Journal of Counseling*, 16–18.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kassim, & Faridah Che Husain. (2006). Pendekatan kaunseling dalam dakwah bagi kesejahteraan insan dan peradaban ummah. *Jurnal Usuluddin*, 23-24, 199–216. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/4254/2099/10314>